



## KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera  
23 Disember 2020**

### **ASNB UMUM JUMLAH PENGAGIHAN PENDAPATAN RM7.6 BILION BAGI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

*dengan peruntukan khas EHSAN sempena Ulang Tahun ke-30 ASB*

- Syarikat unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM7.6 bilion bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pembayaran ini akan memanfaatkan 10.2 juta pemegang unit yang memiliki 173.2 bilion unit dalam ASB.
- Pembayaran tersebut terdiri daripada pengagihan pendapatan 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit dengan jumlah keseluruhan sebanyak 4.25 sen seunit. Bersempena Ulang Tahun ke-30 ASB, pemegang unit akan turut menerima pembayaran khas Ehsan 0.75 sen seunit sehingga 30,000 unit pertama.
- Jumlah pengagihan pendapatan ASB kekal berdaya saing berbanding instrumen pelaburan berisiko rendah lain, mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12 Bulan Maybank sebanyak 2.40%.
- PNB terus berkembang pada 2020, mencerminkan kepercayaan berterusan rakyat Malaysia, dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat sebanyak 2.7% kepada RM320.5 bilion dan unit dalam edaran meningkat sebanyak 3.4% kepada 263.2 bilion unit, dengan lebih daripada 200,000 akaun baharu didaftarkan sepanjang tahun.
- Usaha kepelbagaian portfolio PNB telah memberikan hasil positif, dengan pelaburan antarabangsa memberi sumbangan yang lebih besar terhadap pendapatan kasar. PNB akan terus melaksanakan kepelbagaian sebagai sebahagian daripada strategi memastikan portfolio pelaburan terus kukuh sepanjang masa serta meneroka peluang baharu berpandukan falsafah pelaburan jangka panjangnya.
- PNB tetap komited kepada mandatnya untuk meningkatkankekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, dan akan terus mengharungi persekitaran yang sentiasa berubah ini dengan berhemah, untuk melindungi pelaburan pemegang unit dan terus memberikan pulangan mampan dalam jangka panjang.

**Kuala Lumpur, 23 Disember 2020:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan bagi dana utamanya, Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020) pada taklimat media maya yang disiarkan secara langsung dari Menara PNB.

### **PRESTASI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DALAM TAHUN 2020**

Dalam persekitaran ekonomi makro yang mencabar dan pasaran kewangan yang tidak menentu pada 2020, ASNB mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan dan bonus berjumlah RM7.6 bilion untuk 10.2 juta pemegang unit. Ini menjadikan jumlah pengagihan pendapatan dan bonus terkumpul dana tersebut sepanjang 30 tahun, sejak mula diperkenalkan pada 1990, adalah sebanyak RM159.6 bilion.

ASB mengumumkan jumlah pengagihan **4.25 sen seunit**, iaitu pengagihan pendapatan 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit. Sebagai tambahan, semua pemegang unit ASB akan menerima pembayaran Ehsan khusus sempena Ulang Tahun ASB ke-30, sebanyak 0.75 sen seunit untuk 30,000 unit pertama mereka.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, berkata, “Di sebalik pasaran kewangan yang tidak stabil, ASB terus memberi pengagihan kompetitif sebanyak 4.25 sen per unit. Sempena sambutan Ulang Tahun ASB ke-30, pembayaran Ehsan sebanyak 0.75 sen seunit akan diberikan ke atas 30,000 unit pertama yang dimiliki. Prestasi ASB kekal kompetitif berbanding instrumen pelaburan berisiko rendah yang lain. ASB terus menjadi pilihan tepat bagi individu yang mempunyai profil risiko rendah dan melabur untuk jangka panjang.”

Pada masa yang sama, strategi kepelbagaian portfolio ASB terus mencatatkan kemajuan pada 2020, dengan peningkatan pendedahan kepada ekuiti antarabangsa, ekuiti persendirian, harta tanah dan pendapatan tetap. Pelaburan dalam aset antarabangsa telah meningkat kepada 5.9% berbanding 3.6% pada tahun 2019.

Tan Sri Dr. Zeti seterusnya menambah, “Dalam suasana turun naik pasaran global, strategi ini telah mula membawa hasil yang positif, dengan bahagian sumbangan pendapatan kasar dari ekuiti awam antarabangsa meningkat dari 6.3% pada 2019 kepada 24.2% pada 2020.”

Pengiraan pengagihan pendapatan dan bonus ASB adalah berdasarkan baki purata minimum bulanan yang dimiliki sepanjang tahun kewangan. Unit yang dilaburkan semula dari pengagihan pendapatan dan bonus akan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Januari 2021.

Urus niaga ASB telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 22 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana pejabat cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 4 Januari 2021.

### **PRESTASI PNB PADA TAHUN 2020**

Dalam tahun yang terkesan dengan COVID-19, Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB sehingga November 2020 meningkat kepada RM320.5 bilion, dengan peningkatan 2.7% daripada tahun kewangan sebelumnya. Unit dalam edaran bagi kesemua 15 dana meningkat sebanyak 3.4% kepada 263.2 bilion unit dengan lebih daripada 200,000 akaun baharu didaftarkan sepanjang tahun, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 14.5 juta akaun, dengan 12.2 juta pemegang akaun unik.

PNB terus memberikan pulangan mampan kepada para pemegang unit, dengan mencatatkan jumlah pembayaran sebanyak RM11.2 bilion merentasi semua dana bagi tahun 2020 termasuk pengagihan pendapatan ASB yang diumumkan hari ini. Ini menjadikan jumlah terkumpul pengagihan pendapatan PNB sejak ditubuhkan adalah sebanyak RM211.4 bilion.

Sewaktu membentangkan perkembangan terkini kemajuan PNB, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, berkongsi tiga pencapaian utama PNB dalam persekitaran operasi yang sukar pada tahun 2020. Beliau berkata, "Pertama, PNB terus membuat kemajuan yang baik dalam kepelbagaian portfolio kami, menyelaraskan semula pelaburan kami secara strategik dari segi geografi dan kelas aset untuk mencapai matlamat pelaburan kami." Pendedahan global agregat PNB telah meningkat kepada 11.9% pada 2020 berbanding 8.1% pada 2019, dengan sumbangan pendapatan yang lebih besar dari aset pelaburan globalnya.

Beliau menjelaskan lagi, "Kedua, prestasi kewangan PNB tetap berdaya tahan di sebalik lanskap yang mencabar. Kami dapat meningkatkan AUM kami secara berterusan kepada lebih daripada RM320 bilion, yang mencerminkan kepercayaan berterusan pemegang unit kami. Prestasi pengagihan pendapatan kami juga kekal kompetitif, mengatasi penanda aras dana masing-masing."

"Akhir sekali, PNB terus meningkatkan usaha memperkaya dan meningkatkan pengalaman pemegang unit dan memberikan nilai kepada mereka melalui rangkaian penawaran dan perkhidmatan produk baharu", tambah Ahmad Zulqarnain. Dana pertama ASNB yang bertumpu kepada pelaburan antarabangsa, ASN Imbang 3 Global yang dilancarkan pada Hari Malaysia, disasarkan kepada pelabur dengan profil toleransi risiko sederhana dan berhasrat mempunyai pendedahan yang lebih besar dalam aset global. Dari segi perkhidmatan tambah nilai, ASNB juga telah memperkenalkan kemudahan pengeluaran dalam talian dan juga perkhidmatan Hibah Amanah dalam talian untuk meningkatkan capaian dan fleksibiliti pelanggan. *ASB Loan Helpdesk* juga dilancarkan

untuk memberi nasihat kepada pemegang unit mengenai kadar pembiayaan pinjaman ASB mereka, berikutan pengurangan penanda aras kadar pembiayaan.

Sementara itu, perjalanan transformasi digital PNB mencatat peristiwa baharu pada bulan Julai tahun ini dengan pelancaran Raiz, aplikasi mudah alih pelaburan mikro. Raiz menggunakan duit baki maya daripada penggenapan pembelian harian untuk melabur secara proaktif ke dalam dana harga berubah ASNB, dan merupakan kemudahan yang sesuai untuk memulakan tabiat melabur. Pengenalan Raiz adalah sebahagian daripada strategi menyeluruh perniagaan digital PNB yang bertujuan untuk memanfaatkan teknologi kewangan (FinTech). Ia adalah evolusi semula jadi inisiatif capaian PNB selama empat dekad yang lalu untuk memastikan bahawa produk unit amanah dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia. Sebagai sebahagian daripada usaha capaian kewangan digital, PNB juga telah berjaya mengubah acara tahunan literasi kewangan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) kepada Minggu Saham Digital (MSD) yang diadakan secara maya dari 18 hingga 24 November 2020. Acara tersebut telah menarik lebih daripada dua juta tontonan dalam talian secara keseluruhan.

## **TINJAUAN**

PNB akan terus meningkatkan usaha kepelbagaian portofolio untuk terus mengukuhkan portfolio pelaburan secara beransur-ansur dan meneroka peluang pelaburan baharu, berpandukan falsafah pelaburan jangka panjang dalam semua keputusan pelaburannya. Ahmad Zulqarnain menambah, “PNB akan terus fokus kepada pelaksanaan strategi jangka panjangnya. Hasil positif yang telah kita lihat daripada usaha kepelbagaian akan mendorong PNB untuk terus membina portfolio pelaburan yang berdaya tahan dan membolehkan kami menjana pulangan jangka panjang yang mampan kepada pemegang unit kami.”

Tan Sri Dr. Zeti menyimpulkan, “Selaras dengan komitmen PNB terhadap mandat untuk meningkatkankekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, PNB akan terus mengharungi persekitaran pasaran yang mencabar dan sentiasa berubah

ini dengan berhemah, serta melindungi pelaburan yang diamanahkan kepada kami oleh pemegang unit kami, dengan memanfaatkan pengalaman institusi selama lebih daripada 40 tahun mengharungi pelbagai kitaran ekonomi dan pasaran di samping memanfaatkan pendekatan dan teknologi baharu seiring dengan kemunculan peluang-peluang baharu.”

-Tamat-

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 dana unit amanah dengan lebih daripada 260 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

DANA HARGA TETAP



JUMLAH PENGAGIHAN

**RM 7.6 BILION**

KEPADА

**10.2 JUTA PELABUR**



JUMLAH PENGAGIHAN

**4.25**

sen seunit

+

**0.75**

sen seunit

*Untuk 30,000  
unit pertama*

*Sempena ulang tahun  
ASB ke-30*

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

## DANA HARGA TETAP

### Mengatasi Pulangan Kadar Deposit Tetap Sebanyak 2.40%

**4.25%**



**1.85%**



**Deposit Tetap<sup>1</sup>  
12-Bulan**

Nota:

<sup>1</sup> Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank setakat 20 Disember 2020



### Gambaran Keseluruhan Pengagihan Pendapatan

Kadar efektif sebanyak 5% untuk pegangan 30,000 unit dan ke bawah; semua pemegang unit menerima EHSAN sempena ulang tahun ke-30 ASB.



Butiran	sen seunit	Jumlah Pengagihan Pendapatan (RM)		
Pengagihan Pendapatan ASB	3.50 sen	350	1,050	3,500
Bonus	0.75 sen	75	225	750
EHSAN (untuk 30,000 unit pertama)	0.75 sen	75	225	225
<b>Jumlah</b>		<b>500</b>	<b>1,500</b>	<b>4,475</b>

Nota: Pengiraan dibuat berdasarkan andaian unit dipegang dengan baki minimum bulanan selama 12 bulan

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.